

**UCAPAN  
YANG BERUSAHA ENCIK HAMZAH BIN MOHAMAD  
PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**DI DALAM**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEM KESEDARAN ALAM  
SEKITAR (KEKAS) SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT  
NEGERI SARAWAK 2020**

**8 MAC 2020 (AHAD)  
IMPERIAL PALACE HOTEL, MIRI**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana petang ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) Sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak 2020 ini.
  
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak PETRONAS Carigali Sdn Bhd – Sarawak Oil selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran program kesedaran alam sekitar pada kali ini. Melalui memorandum persefahaman, JAS dengan kerjasama sektor korporat bekerjasama menjalankan program-program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti Kem Kesedaran Alam Sekitar ini. Semoga usaha-usaha seumpama yang dijalankan antara JAS dan PETRONAS ini mendapat lebih banyak penglibatan daripada agensi swasta yang lain sekaligus meluaskan lagi penyebaran kesedaran alam sekitar dalam Sarawak.

3. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Majlis Bandaraya Miri dan Sarawak Forestry Corporation yang telah bekerjasama dan memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kem kesedaran alam sekitar (KEKAS). Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar dari SMK Pujut, SMK Riam, SMK Lutong, SMK Merbau dan SMK Lopeng Tengah yang telah melibatkan diri dalam program ini bermula semalam di Piasau Nature Reserve, Miri. Kehadiran dan kerjasama Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua menunjukkan sokongan dan komitmen di dalam menjayakan usaha mempromosikan program kesedaran alam sekitar.

Hadirin sekalian,

4. Untuk makluman, penganjuran program ini adalah sempena Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia untuk mengingatkan kita jasa bumi yang telah memberikan satu ekosistem yang terbaik untuk didiami. Tahun 2020 ini juga merupakan ulang tahun Sambutan Hari Bumi yang ke 50 dengan tema "*Climate Action*" di mana perubahan iklim atau *climate change* merupakan cabaran terbesar ke atas masa depan manusia dan bumi yang selama ini menjadi tempat kediaman kita semua.
5. Pada penghujung tahun 2020, setiap negara dijangka akan lebih berkomitmen kepada Paris Agreement dalam usaha menangani perubahan iklim. Masanya telah tiba untuk kita semua melangkah dengan keinginan yang kuat untuk menangani krisis perubahan iklim. Sekiranya setiap negara diseluruh dunia tidak melangkah dengan cepat dan dengan kesungguhan, maka ini bermakna kita

akan menyerahkan masa depan yang berbahaya kepada generasi akan datang.

6. Sambutan Hari Bumi 2020 bukan sambutan untuk sehari sahaja. Sebaliknya sambutan ini akan menjadi peristiwa bersejarah sekiranya semua penduduk di bumi bersatu dalam menangani krisis perubahan iklim ini baik dari segi kreativiti, inovasi, kesungguhan dan keberanian untuk meraih peluang untuk mendapatkan masa depan *zero carbon*.

Hadirin sekalian,

7. Melalui program KEKAS ini, para peserta didedahkan khususnya dengan ekosistem hutan dan ekosistem bandar agar para peserta memperolehi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan menggalakkan mereka berkecimpung dalam aktiviti yang bertanggungjawab dan berkeseimbangan dengan alam sekitar. Hutan adalah penting dan menjadi sebahagian daripada ekosistem dunia yang mengekalkan dan memperkaya kewujudan manusia di muka bumi. Hutan amatlah berfaedah kepada manusia dan kehidupan lain. Ia membantu mengekalkan keadaan cuaca dan membentuk sebahagian penting proses kitaran air. Hutan juga menjadi habitat kepada berbagai bentuk hidupan yang menakjubkan. Kita juga merupakan sebahagian daripada ekosistem yang indah dan pelbagai bentuk ini.
8. Pembangunan serta kemajuan pesat akan melahirkan lebih banyak ekosistem bandar. Secara amnya, bandar mempunyai suasana bising, berdebu dan panas di mana akan membawa kesan negative ke atas kehidupan. Penyakit-penyakit baru akan timbul akibat daripada ekosistem sebegini. Justeru itu, adalah

penting bagi memastikan semua orang faham bahawa ekosistem bandar perlu dirancang bagi mengekalkan kehidupan yang sihat. Melalui kem ini juga akan menyedarkan para peserta mengenai pentingnya pembangunan diseimbangkan dengan pemuliharaan alam sekitar, atau dengan kata lain, pembangunan mapan (*sustainable development*). Penjagaan hutan dan bandar kita sebenarnya terletak dalam tangan saya dan anda. Usaha kita bersama akan membolehkan generasi akan datang menikmati segala faedah yang kita nikmati sekarang.

Hadirin sekalian,

9. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih terutamanya kepada PETRONAS Carigali Sdn Bhd – Sarawak Oil di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Terima kasih juga di atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan, termasuk ketua dan wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir ke majlis ini. Pendek kata, anda semua merupakan tulang belakang terhadap kejayaan penganjuran program kesedaran alam sekitar. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan pendidikan kesedaran alam sekitar melibatkan warga sekolah pada tahun-tahun yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.